

PERANAN DAN SUMBANGAN JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT (KEMAS) DALAM PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI MASYARAKAT LUAR BANDAR BACHOK, KELANTAN

Mohd Rusdin Jusoh¹, Prof. Madya Dr. Nur Azuki Yusuff^{2,a}

^{1,2}Pusat Pengajian bahasa dan Pembangunan Insaniah, Universiti Malaysia Kelantan

^anurazuki@umk.edu.my

Kata kunci: Peranan, sumbangan, penjajaran, kefungsian, penggerak masyarakat.

Abstrak. Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) sebagai agensi pembangun sosioekonomi masyarakat semenjak 1961 perlu diketengahkan impaknya kepada masyarakat setempat. Justeru kertas ini berusaha merakamkan peranan dan sumbangannya melibatkan status sosioekonomi masyarakat luar bandar di Bachok, Kelantan yang terlibat dalam program dan aktiviti KEMAS termasuklah isu penerimaannya. Penulis menggunakan kaedah soal selidik dan temubual masyarakat Bachok yang terlibat dengan aktiviti KEMAS dan yang tidak terlibat sebagai penanda aras. Berdasarkan dapatan, KEMAS memang berperanan dalam pembangunan masyarakat luar bandar terutamanya aspek pendidikan tidak formal. Namun kefungsian KEMAS dalam usaha-usaha tersebut kini kurang jelas. Kajian mendapati usaha penjajaran semula aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh KEMAS di kawasan luar bandar perlu dilakukan. Ia perlu berasaskan idea pelaksanaan pembangunan komuniti berlandaskan pendekatan bawah-atas (bottom-up approach) dengan mengfokuskan penglibatan masyarakat dalam aktiviti membuat keputusan, pelaksanaan, berkongsi manfaat dan penilaian aktiviti.

PENGENALAN

Sehingga kini, kerajaan Malaysia telah menjalankan pelbagai strategi bagi meningkatkan kelestarian sosioekonomi masyarakat luar bandar di Malaysia. Kelestarian sosioekonomi ini banyak tertumpu kepada pembangunan infrastruktur dan kemudahan asas, peningkatan produktiviti pertanian, pembangunan tanah dan kawasan, pembangunan “in-situ”, pendidikan, penyelidikan dan pengembagan, pembangunan sosial dan institusi serta pembangunan bersepadu.

Bagi menjayakan strategi tersebut pelbagai program pembangunan sosioekonomi masyarakat luar bandar dilaksanakan seperti program KEMAS, program pembangunan tanah seperti FELDA dan FELCRA, program pembangunan in-situ dan lain-lain. Setakat Rancangan Malaysia ke lapan dan sembilan, banyak kawasan penempatan dan pertanian baru dibuka yang disusuli dengan penyediaan pelbagai kemudahan asas. Kadar kemiskinan masyarakat luar bandar juga berjaya dikurangkan daripada 59% (1970) kepada 20.7% (1985) dan terus menurun kepada 17.1% (1990), 14.8% (1999) dan terus susut kepada 11.9% (2000), (RMK 8 dan RMK 9, 2001 dan 2006).

Amnya, tahap kehidupan masyarakat di Malaysia telah meningkat dengan agak baik hasil daripada kadar pertumbuhan ekonomi yang positif. Keadaan ini ditunjukkan oleh peningkatan dalam beberapa indikator sosioekonomi seperti pendapatan per kapita KNK, kesihatan, pendidikan, kesejahteraan sosial dan perumahan (Rahimah dan Mohamed Yusuf, 2002).

Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) ditubuhkan pada tahun 1961 melalui kertas kabinet Bil. 385/25/60 memberi fokus utama kepada program ‘Pembasmian Buta Huruf’. Pada waktu itu jabatan tersebut beroperasi dengan nama Bahagian Pelajaran Dewasa (BPD). Menjelang tahun 1977, gerakan membasmi buta huruf ini dipertingkatkan dengan pengenalan konsep ‘*Functional Literacy*’ oleh UNESCO sebagai satu usaha membasmi kemiskinan dan strategi membangunkan masyarakat luar bandar. Berikutan pelancaran ‘Dasar Ekonomi Baru’ pada tahun 1970, BPD dinamakan semula kepada Bahagian Kemajuan Masyarakat (KEMAS) dan diletakkan di bawah tanggungjawab Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Luar Bandar. Matlamat penubuhan KEMAS ialah membantu masyarakat luar bandar berdikari dan memulakan perniagaan sendiri berasaskan kemahiran yang dipelajari. KEMAS memperkenalkan program pembangunan masyarakat melalui pendekatan pendidikan dewasa seawal tahun 1960-1969 (Asnarulkhadi, 2004). Pendekatan ini menggunakan kaedah pendidikan tak-formal, KEMAS berperanan mengendalikan kelas literasi fungsional dan kemahiran vokasional, kelas ekonomi rumah tangga, kesihatan keluarga, dan taman prasekolah. Tiga program pembangunan masyarakat utama yang dilaksanakan di bawah KEMAS ialah program pembangunan keluarga, pendidikan masyarakat dan program latihan. Setelah lima dekad penubuhannya (1970-2010), aktiviti yang dilaksanakan oleh KEMAS iaitu, penubuhan Taman Bimbingan Kanak-Kanak (TABIKA), Gerakan Daya Wawasan (GDW), Bina Insan (BI), Pusat Sumber, Pendidikan Kemahiran (PK), Pendidikan Literasi Komputer (PLK), Pendidikan Literasi Fungsian (PLF) dan Pendidikan Kesihatan Keluarga (PKK).

KEMAS mempunyai struktur agen perubahan yang jelas di peringkat persekutuan, negeri, daerah mukim dan kampung. Agen-agen perubahan KEMAS sering kali dipanggil sebagai penggerak masyarakat (PM) yang berperanan penting. Menurut Rogers (1972) pembangunan masyarakat perlu memainkan peranan dari segi membentuk keperluan terhadap perubahan, membentuk perhubungan mesra dengan masyarakat dan organisasi terlibat, mengenalpasti masalah yang dihadapi masyarakat, membentuk penyelesaian masalah yang telah dikenalpasti, melaksanakan penyelesaian, menstabilkan perubahan supaya bergerak secara berterusan dan berenggang daripada penerima. Havelock (1973) pula menyatakan bahawa sebagai agen perubahan atau pembangun masyarakat berperanan sebagai penggerak perubahan, penyelesai masalah, pembantu proses dan penghubung sumber. Manakala Beal (1981) pula menyatakan bahawa agen perubahan berperanan sebagai pendidik, penyelidik, perunding, pentadbir dan pemimpin.

Asnarulkhadi (1988) menjelaskan bahawa program-program pembangunan komuniti KEMAS telah berjaya membantu meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar dari aspek sosial, politik, pendidikan, sikap, daya pemikiran, personaliti dan kebajikan anggota komuniti. Namun begitu, pencapaian dalam bidang ekonomi masih berada pada tahap rendah lagi. Purvis (1974) yang menyifatkan pembangunan masyarakat sebagai ‘*education enterprise*’ telah cuba membina satu model koordinasi program-program pendidikan masyarakat di Malaysia hanya meninjau sedikit tentang kelas ERT anjuran KEMAS dan lain-lain kegiatan perkumpulan wanita yang diperolehi daripada bahan-bahan sekunder dan dokumentasi. Namun demikian, kajian yang didasarkan kepada prinsip asas program pengembangan di barat gagal menggambarkan hubungan-hubungan struktur dan proses-proses yang berlaku dalam program tersebut. Ibrahim (1981) dan Kamaruddin (1982) yang cuba memperkatakan tentang KEMAS hanya menjuruskan penulisannya kepada aktiviti RDU sebagai satu strategi untuk meningkatkan tahap sosioekonomi kaum tani, sedangkan Mohd Nor (1982) pula hanya melaporkan tugas dan peranan umum KEMAS dalam pembangunan masyarakat. Manakala, Asranulkadi (1988) menjelaskan bahawa sebelum ini program-program pembangunan masyarakat KEMAS telah berjaya membantu meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar.

KENYATAAN MASALAH DAN OBJEKTIF KAJIAN

KEMAS telah melaksanakan pelbagai aktiviti untuk membangunkan sosioekonomi masyarakat luar bandar. Walau bagaimanapun masalah yang berkaitan dengan sosioekonomi masyarakat seperti pengangguran dan kemiskinan masih tinggi di luar bandar. Justeru wujud polemik dalam masyarakat masyarakat yang mempersoalkan impak kewujudan pelbagai agensi yang diberi mandat oleh kerajaan ini. Tambahan lagi ia melibatkan perbelanjaan infrastruktur dan belanjawan mengurus negara yang tinggi. Juga melibatkan penglibatan jentera kerajaan yang ramai.

Antara persoalan yang ingin dijawab dalam perbincangan kertas ini ialah;

- i. Apakah status sosioekonomi masyarakat di Bachok, Kelantan yang terlibat dalam program dan aktiviti yang dilaksanakan oleh KEMAS?
- ii. Apakah peranan sebenar yang dimainkan oleh KEMAS dalam pembangunan sosioekonomi masyarakat di Bachok, Kelantan?
- iii. Sejauh manakah penglibatan masyarakat Bachok, Kelantan dalam aktiviti yang dilaksanakan oleh KEMAS?

Secara umumnya kajian ini bertujuan untuk memeriksa sumbangan KEMAS dalam usaha meningkatkan pembangunan sosioekonomi masyarakat di Bachok, Kelantan. Berdasarkan pernyataan masalah tadi, secara khususnya, kajian ini berusaha untuk mengetengahkan perkara-perkara berikut:

- i. Status sosioekonomi masyarakat di Bachok, Kelantan yang terlibat dalam program dan aktiviti KEMAS.
- ii. Peranan sebenar yang dimainkan oleh Jabatan KEMAS Bachok dalam usaha meningkatkan pembangunan sosioekonomi masyarakat luar bandar.
- iii. Penglibatan masyarakat di Bachok, kelantan dalam program dan aktiviti yang dilaksanakan oleh KEMAS.

METODOLOGI KAJIAN

Bagi memperolehi dapatan yang boleh disahkan dengan kebolehpercayaan yang tinggi, Pengumpulan datanya menggunakan pendekatan kuantitatif yang dibincangkan penganalisisan data secara diskriptif. Latar kajian ialah sekitar Jajahan Bachok. Lokasi kajian dipilih kerana pentadbiran jajahan ini telah dikuasai oleh parti politik pembangkang, iaitu Parti Islam Se Malaysia (PAS) sejak sekian lama. Perbezaan dari segi tampuk pemerintahan memberikan gambaran tentang keunikan persekitaran sosiopolitik masyarakat di Jajahan Bachok Kelantan. Dampak keberkesanan peranan dan sumbangan dapat dilihat secara bebas kerana ia tidak dipengaruhi oleh pengaruh kerajaan negeri. Kajian ini dilakukan sepanjang 2014 dan 2015.

Pemilihan sampel dalam kajian ini melibatkan beberapa tahap prosedur persampelan. Populasi kajian ini ialah peserta KEMAS, ibu atau bapa pelajar TABIKA KEMAS dan masyarakat yang tidak terlibat secara langsung dalam pelaksanaan

program dan aktiviti yang dijalankan oleh KEMAS dalam jajahan Bachok. 1Pemilihan sampel dalam kajian ini juga melibatkan beberapa tahap prosedur sampel rawak bagi memilih Dewan Undangan Negeri (DUN), mukim dan responden kajian. Program dan aktiviti pembangunan masyarakat KEMAS dilaksanakan di semua DUN dalam Jajahan Bachok. Bagi tujuan kajian ini, dua mukim dalam setiap DUN dipilih secara rawak. Mukim dalam DUN Jelawat yang terpilih ialah mukim Telaga Ara dan mukim Gunung. Dalam DUN Perupok pula mukim yang terpilih ialah mukim Mujur dan mukim Kandis. Manakala bagi DUN Tawang pula mukim Tualang Salak dan mukim Chap telah terpilih secara rawak.

Sehingga 2015, masyarakat yang terlibat dalam program KEMAS di Bachok adalah lebih kurang 1730 orang. Mereka adalah terdiri daripada 1550 orang yang terlibat dalam TABIKA dan 180 orang lagi terlibat dalam aktiviti kelas menjahit, kelas memasak dan lain-lain aktiviti. Pembahagian mengikut DUN pula ialah seramai 670 orang adalah terdiri daripada mereka yang terlibat dalam KEMAS di DUN Tawang, 640 orang di DUN Jelawat dan 420 orang di DUN Perupok. Seramai 356 orang peserta KEMAS, ibu atau bapa pelajar TABIKA KEMAS dan masyarakat secara persampelan *convenience* sebagai responden kajian. Mereka ini terdiri daripada 177 orang peserta program KEMAS dan ibu atau bapa pelajar TABIKA KEMAS dan 179 orang bukan peserta. Pemilihan bukan peserta sebagai responden adalah bagi melihat perbandingan impak di sebalik peranan KEMAS berbanding yang tidak menyertainya.

Penelitian peranan dan sumbangan KEMAS ini pula berdasarkan tiga tema utama iaitu indikator status semasa keadaan sosioekonomi masyarakat, peranan KEMAS dalam pembangunan sosioekonomi masyarakat dan penglibatan masyarakat dalam aktiviti yang dijalankan oleh KEMAS. Walaupun kajian ini bersifat makro tetapi dengan memberikan penumpuan terperinci terhadap ciri-ciri pembangunan sosioekonomi, maka dapat dibuat penilaian keberkesanan program-program yang dianjurkan oleh KEMAS.

Kajian ini mengaplikasikan prosedur tinjauan keratan rentas (cross-sectional). Prosedur ini melibatkan pengumpulan data pada satu-satu masa melalui sampel rawak yang mewakili populasi pada masa tersebut (Wiersma, 2000).

Pengumpulan data kajian ini akan menggunakan tiga teknik; Temu bual menggunakan borang soal selidik berstruktur, Temu bual tak-berstruktur yang dilakukan dengan pegawai dan kakitangan KEMAS di peringkat negeri dan jajahan serta masyarakat di peringkat kampung dan dokumentasi yang diperolehi daripada laporan kajian, rekod dan minit mesyuarat yang terdapat di KPLB, Jabatan Kemas Negeri Kelantan dan pejabat KEMAS Jajahan Bachok.

Maklumat yang diperolehi melalui borang soalselidik dianalisis menggunakan perisian “*Statistical Package for the Social Science*” (SPSS). Hasil kajian berbentuk deskriptif dipersembahkan dalam bentuk jadual mengikut tujuan penyelidikan. Analisis jadual silang juga turut digunakan bagi membincangkan maklumat bagi peserta KEMAS dan bukan peserta KEMAS. Data dan maklumat yang diperolehi secara temu bual tak berstruktur dan maklumat sekunder telah digunakan sebagai maklumat sokongan kepada maklumat-maklumat kuantitatif.

HASIL KAJIAN

Hasil kajian dibentangkan mengikut objektif kajian berikut; latar belakang atau status sosioekonomi peserta KEMAS dan masyarakat Bachok, peranan sebenar KEMAS dalam membangunkan masyarakat Bachok dan penglibatan masyarakat dalam program dan aktiviti KEMAS.

1. Status sosioekonomi masyarakat di Bachok, Kelantan yang terlibat dalam program dan aktiviti KEMAS.

1 Pada tahun 2007, berdasarkan perangkaan, penduduk Bachok seramai 131,695 orang (<http://www.ptjb.kelantan.gov.my/>).

Jadual 1: Status sosioekonomi masyarakat di Bachok

Profil Responden	Bil. Peserta	Bil. Bukan Peserta	Bil. Keseluruhan
	177	179	356
		Jantina	
Lelaki	44	31	75
Perempuan	133	148	281
		Umur	
20-30	48	35	83
31-40	57	49	106
41 ke atas	72	95	167
		Status Perkahwinan	
Bujang	14	9	23
Berkahwin	139	161	300
Duda/ janda	24	9	33
		Pencapaian Akademik	
SPM/STPM	127	81	208
Sekolah rendah	46	77	123
Tidak ersekolah	4	21	25
		Pekerjaan	
Tiada pekerjaan	34	6	40
Kerja Kampung	54	67	121
Petani/Penternak	49	55	104
Tetap/Kerajaan	17	23	40
Swasta/Kontraktor	23	28	51
		Pendapatan	
Bawah RM 740	116	51	167
RM 741-1500	57	70	127
RM 1501-2300	4	44	48
RM 2301 ke atas	0	14	14
		Tanggungan Keluarga	
Tiada	31	14	45
1-3 orang	60	72	132
4-6 orang	62	75	137
7 ke atas	24	18	42
		Pemilikan Rumah	
Rumah sendiri	55	113	168
Rumah mertua	34	10	44
Rumah sewa	72	50	122
Lain-lain	16	6	22

Berdasarkan jadual di atas, setelah membandingkan kedua-dua kategori peserta dan bukan peserta maka dapat dinyatakan bahawa lebih ramai peserta yang menyertai program KEMAS adalah terdiri daripada mereka yang berada di bawah garis kemiskinan. Walau bagaimanapun, kajian ini akan mengambil kira keadaan-keadaan yang lain dalam mengenal pasti kedudukan kemiskinan responden agar pengukuran mutlak dapat dileraikan lagi. Data jelas menunjukkan bahawa

pengukuran mutlak berasaskan pendapatan sebagai garis pemisah antara golongan miskin dan golongan kaya tidak dapat dipertahankan. Ini kerana mereka yang dikategorikan sebagai responden miskin juga mampu membeli kelengkapan rumah dan lain-lain keperluan sosial. Melalui data-data kualitatif dapat pula dibezakan antara kategori peserta dan bukan peserta. Ini adalah kerana kebanyakan rumah peserta berkeadaan ‘sempurna’ berbanding dengan bukan peserta. Selain itu, lebih ramai keluarga dalam kategori peserta menerima faedah dari segi khidmat nasihat dan bantuan tenaga pihak KEMAS berbanding dengan bukan peserta.

Jadual 2: Tahap Sokongan Terhadap Kerajaan Persekutuan

	Sebelum Menyertai KEMAS		Selepas Menyertai	
	Bil.	Peratus	Bil.	Peratus
Sokong	174	98.3	174	98.3
Kurang sokong	1	0.6	1	.6
Tidak Sokong	0	0	0	0
Tidak Jawab	2	1.1	2	1.1
Jumlah	177	100	177	100

Nilai X2=255.582, dk=3, P=0.000

Manakala berdasarkan jadual 2, jelas bahawa tidak wujud pembangunan politik yang meluas. Ini kerana ‘politik kampung’ masih lagi mengutamakan soal parti, sangat sedikit anggota masyarakat yang menilai dari aspek calon dan parti untuk dipilih mewakili masyarakat setempat. Selain itu kecenderungan gerakan KEMAS lebih popular dalam kalangan penyokong kerajaan persekutuan, justeru dipercayai bahawa KEMAS adalah agen pembawa perubahan politik telah berjaya mengorientasikan sikap dan pemikiran politik masyarakat luar bandar supaya mementingkan parti daripada calon yang bertanding.

2. Peranan sebenar yang dimainkan oleh Jabatan KEMAS Bachok dalam usaha meningkatkan pembangunan sosioekonomi masyarakat luar bandar

Berdasarkan wawancara berstruktur dan tidak berstruktur, hasil kajian menunjukkan terdapat beberapa peranan utama KEMAS dalam membangun sosioekonomi masyarakat di Bachok

- i. Peranan KEMAS dalam Pendidikan
- Pendidikan tidak formal kepada masyarakat luar bandar merupakan peranan utama KEMAS. Seorang individu berpengaruh di Bachok menyatakan:

“KEMAS berjaya membantu anak-anak orang kampung untuk membaca dan menulis di peringkat pra sekolah lagi. Sambutan orang kampung boleh dilihat pada majlis penyampaian sijil kepada anak-anak dengan kehadiran ibu bapa mereka.”

(Mah, 2014)

Di peringkat daerah, bidang pendidikan merupakan salah satu fungsi utama, penyelia kawasan akan menyelia beberapa orang penyelia mukim (PM) di dalam satu-satu kawasan DUN di samping mengenalpasti dan merangka rancangan-rancangan baru untuk masyarakat kampung sebelum dibawa berbincang dengan PM-PM di kawasannya.

Prinsip operasi gerakan KEMAS adalah berdasarkan kepada konsep tiga ‘K’ iaitu kehendak, keperluan dan kemampuan masyarakat itu sendiri. Ketiga-tiga prinsip dalam operasi KEMAS adalah saling berkaitan dan melengkapi di antara satu sama lain. Secara idealnya, ketiga-tiga prinsip ini perlu ada dalam penubuhan kelas KEMAS. Melalui prinsip keperluan, kehendak dan keupayaan ini diramalkan dapat membina keyakinan diri peserta-peserta ketika menyertai kelas-kelas kegiatan secara bebas dan kondusif yang secara langsungnya mengubah sikap peserta kepada semangat berdikari dalam membuat tindakan dan keputusan bersama. Adalah jelas menunjukkan bahawa prinsip-prinsip gerakan KEMAS adalah selari dengan konsep pembangunan komuniti atau pembangunan masyarakat yang menggalakkan penyertaan sukarela. Keadaan ini dijelaskan oleh salah seorang mantan penghulu di mukim Telaga Ara.

“Saya lihat dengan adanya kelas KEMAS ramai wanita yang dahulunya nampak tidak cergas tapi kini nampak cergas dan tekun bekerja”

(Pa, 2014)

Dapat dinyatakan bahawa, program-program anjuran KEMAS bermatlamat meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar. Dalam pelaksanaan tugas KEMAS mengamalkan prosedur-prosedur birokrasi yang tersendiri. Melalui jaringan dan prosidur birokerasi inilah segala arahan dan strategi pembangunan dilaksanakan dan disesuaikan oleh penyelia dan PM-PM agar selaras dengan kehendak dan keperluan masyarakat setempat. (Temu bual awal dengan Ahmad Sahibudin Bin Mohd Nor, mantan Ketua UMNO Bahagian Bachok (1973-2003) pada 13 Januari 2013).

- ii. Peranan Kemas Dalam Sosiopolitik
KEMAS dengan politik tidak dapat dipisahkan. Memang telah diketahui umum bahawa KEMAS merupakan mata dan telinga kerajaan memerintah. Ini jelas seperti yang dinyatakan oleh salah seorang penyelia KEMAS yang ditemuabual. Menurut beliau:

“semua penyelia-penyelia KEMAS terlibat dalam aktiviti parti politik di sini, terutama sekali bagi pihak wanita.....”. “kerjasama pihak KEMAS dengan Ketua Bahagian dan Pemangku Ketua Bahagian UMNO Bachok sangat baik..... mereka selalu datang dan berbincang dengan pihak KEMAS... KEMAS juga senang mendapat kerjasama mereka dalam banyak perkara....”
(Mah, 2014)

Parti politik memainkan peranan yang penting dalam penyebaran dan maklumat tentang pembaharuan dan kemajuan serta dapat mencetuskan kesedaran dalam proses difusi pembangunan. Ini menunjukkan senario politik pembangunan masih relevan dalam percaturan politik di Bachok dan Kelantan secara umumnya. Oleh yang demikian, penggunaan istilah maklumat pembangunan dalam kajian ini membawa dua pengertian. Pertama, sebagai berita mengenai sesuatu program yang diwar-warkan kepada masyarakat. Kedua, sebagai isi pengajaran dan pembelajaran yang disampaikan oleh PM kepada peserta semasa mengendalikan kegiatan kelas perkumpulan. Kedua-duanya berlaku di dalam proses komunikasi, pemimpin dan peserta, yang melibatkan penyampaian mesej dan pengajaran daripada sumber (pemimpin) kepada penerima (peserta atau orang ramai).

“pegawai KEMAS memang bekerja sehingga ke akar umbi. Mereka turun padang bersama masyarakat dan berbincang isu dan masalah semasa”

(Yie, 2014)

Kesimpulannya, pimpinan yang diberikan oleh penyelia-penyelia khususnya dalam membincangkan soal-soal kemajuan kelas dan masalah pelaksanaan dalam kelas secara bersemuka adalah penting supaya persoalan yang timbul dapat diambil tindakan selanjutnya. Melalui maklumat-maklumat yang diperolehi, mereka (PM dan penyelia) juga dapat menyesuaikan arahan-arahan dari ibu pejabat untuk dilaksanakan sesuai dengan keadaan dan masalah setempat.

- iii. Peranan KEMAS Dalam Proses Perubahan
Penyelia-penyelia KEMAS merupakan agen perubahan dalam pembangunan masyarakat luar bandar. Sejak dari awal penubuhannya KEMAS berperanan untuk menghapuskan masalah buta huruf dalam kalangan masyarakat di luar bandar. Pada peringkat awal KEMAS juga berperanan memberi pengetahuan membaca dan menulis rumi kepada etnik bukan Melayu. Salah seorang penyelia KEMAS yang ditemubual menyatakan bahawa dalam proses membawa perubahan ini penyelia KEMAS berperanan:

“penyelia KEMAS bertanggungjawab menentukan sikap masyarakat luar bandar terhadap perubahan yang di bawa..... KEMAS bertanggungjawab untuk menentukan masyarakat mengikut lokaliti-lokaliti bersedia untuk berubah”

(Man, 2014)

Dalam usaha membawa perubahan kepada masyarakat ini, KEMAS mempunyai dua kepentingan yang bersaing antaranya. Pertama, kepentingan negara dan kedua kepentingan tempatan. Berdasarkan kepentingan negara dan kepentingan kerajaan (parti memerintah) penubuhan sesuatu institusi yang bertanggungjawab melaksanakan program kemajuan mempunyai sasaran matlamat tertentu, iaitu untuk mencapai pembangunan sosioekonomi dan sosiopolitik. Sebaliknya pula, anggota-anggota masyarakat yang menerima perlaksanaan program komuniti tersebut mempunyai kehendak dan permintaan yang tertentu dan keduanya pula berbeza di antara kampung-kampung. Dalam dua keadaan yang bertentangan ini pemimpin KEMAS yang mewakili kepentingan negara terpaksa mengubahsuai arahan yang diterima dengan suasana, kebolehan dan sumber-sumber persekitaran tempatan sesuai untuk memenuhi nilai, kepentingan dan citarasa pada peringkat tempatan. Cara yang paling baik untuk memahami kehendak dan permintaan orang kampung ialah dengan mengadakan mesyuarat atau dialog terbuka di pelbagai peringkat. Peranan pemimpin adalah mengenalpasti masalah mereka dan menentukan penyelesaian masalah tersebut sesuai dengan cara tempatan.

Sebagai kesimpulan, penglibatan seseorang dalam program pembangunan bukan hanya dilihat dari segi kesan atau implikasi penyertaan tetapi yang penting ialah maklumat-maklumat relevan yang diperolehi daripada peserta berguna kepada pihak atasan (perancang) dan pemimpin atasan yang lain untuk menyempurnakan lagi operasi pembangunan selanjutnya. Dengan cara ini ia dapat mengurangkan lagi masalah-masalah teknikal dan praktikal yang mungkin tidak dijangkakan oleh pihak pemimpin di samping meningkatkan keupayaan masyarakat menentukan masa depan mereka.

- iv. Peranan KEMAS Dalam Melahirkan Kepimpinan Tempatan
Dengan wujudnya fenomena mobilisasi politik dalam pelaksanaan komuniti sama ada dari segi syarat-syarat menjadi PM, pelancaran sesebuah kelas kegiatan dan juga ‘tanggungjawab politik’ pemimpin-pemimpin KEMAS memudahkan pihak kerajaan mengawal arah pembangunan itu.

Sebagai institusi kepimpinan terdekat, ahli-ahli jawatankuasa (JKKKP) ini mengetahui pendirian politik sesuatu kumpulan masyarakat dan bertindak sebagai badan penapis terhadap permohonan pembukaan sesebuah kelas KEMAS. Tambahan pula JKKKP dan KEMAS adalah mata dan telinga kerajaan maka tindakan ini mempunyai serampang dua mata. Pertama, ingin mencapai matlamat asas iaitu pembangunan sosioekonomi masyarakat tempatan menerusi kegiatan perkumpulan di samping mencapai matlamat kedua, iaitu memperluas dan memperkukuhkan sokongan rakyat terhadap parti pemerintah. Bersabit dengan tujuan politik ada dua ‘jenis’ kelas yang dilancarkan. Pertama, kelas dibuka untuk mengekal dan memperkukuhkan sokongan rakyat terhadap kerajaan dan kelas-kelas ‘jenis’ ini kebanyakannya didapati di kampung-kampung yang telah sedia menyokong parti pemerintah. Kedua, kelas dibuka di kawasan parti pembangkang dengan harapan melalui kelas-kelas perkumpulan PM-PM dapat menasihati para peserta supaya menyokong projek-projek kerajaan di samping mengumpulkan maklumat tentang bantahan dan rungutan mereka terhadap dasar-dasar kerajaan. PM yang terlatih di bidang berkenaan akan menjawab ‘tohmahan-tohmahan’ tersebut dan menyampaikan permasalahan yang dihadapi kepada penyelia masing-masing. Kelas-kelas ‘jenis’ ini tidak banyak dilancarkan kerana ia bergantung kepada dua keadaan, sama ada pihak daripada parti pembangkang enggan berjumpa dengan pengerusi JKKKP untuk mendapatkan keizinan meminta penubuhan kelas atau pun tidak diluluskan oleh JKKKP untuk dipanjangkan permohonan tersebut ke pihak KEMAS daerah di atas sebab-sebab tertentu.

Contohnya, tiga orang penyelia kawasan yang merupakan generasi ketiga KEMAS sangat aktif dengan program pemuda UMNO di peringkat bahagian telah memegang beberapa jawatan dalam jawatankuasa Pemuda UMNO Bahagian Bachok. Walaupun tidak memegang jawatan penting di peringkat bahagian tetapi PM-PM mewakili cawangan masing-masing ke Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Bachok. Perjumpaan secara informal dengan beberapa orang PM, mereka mengatakan kemenangan Penyelia Kanan Daerah ke Persidangan Agung UMNO Malaysia(G 7) juga datangnya daripada sokongan kuat PM-PM KEMAS sendiri. ‘Tugas dan tanggungjawab politik’ pemimpin-pemimpin KEMAS lebih menonjol semasa menjelang pilihanraya dan juga waktu menteri-menteri datang membuat lawatan. Hakikat ini, diperakui sendiri oleh mantan Ketua UMNO Bahagian Bachok, bahawa pemimpin-pemimpin KEMAS aktif sepanjang masa, lebih-lebih lagi menjelang pilihanraya. Kesimpulannya, kenyataan yang menyatakan bahawa ‘KEMAS bukan UMNO, tetapi semua kakitangan KEMAS adalah ahli UMNO’, terbukti bila mana semua kakitangannya terlibat di dalam keanggotaan, kegiatan dan pergolakan politik kepartian tempatan.

- v. Peranan Dalam Koordinasi Pembangunan Masyarakat
Salah seorang penyelia KEMAS yang ditemubual menjelaskan bahawa KEMAS memang banyak memainkan peranan sebagai koordinasi dalam usaha pembangunan masyarakat di luar bandar. Menurut beliau:

“Jabatan KEMAS memang perlu ada hubungan dengan jabatan-jabatan lain terutamanya yang melibatkan masyarakat kampung”

(Mai, 2014)

Koordinasi dalaman institusi KEMAS melibatkan hubungan-hubungan sosial sesama PM di dalam menjalankan tugas harian mereka. Koordinasi dalam bentuk ini adalah seperti semangat kerjasama, tolong-menolong dan sering mengadakan perbincangan mengenai sesuatu masalah pengajaran mereka. Semangat kerjasama seperti ini dapat dilihat setiap hari di bengkel ataupun semasa mesyuarat JKPP kawasan parlimen dan mesyuarat JKPP kawasan DUN pada setiap hujung bulan bersama-sama dengan pemimpin atasan KEMAS yang lain. Biasanya masalah-masalah kelas yang gagal diselesaikan di antara PM semasa di bengkel akan diperbincangkan semasa mesyuarat berkenaan untuk mendapat pandangan dan maklum balas daripada penyelia-penyelia yang bertugas. Oleh kerana kedudukan atau taraf intitusi KEMAS hanyalah sebagai technical first aider agency sahaja, maka semangat bekerjasama yang ditunjukkan kebanyakannya datang daripada PM KEMAS itu sendiri. Dengan kata lain, PM KEMAS lah yang akan sentiasa menghubungi pegawai atau kakitngan dari agensi pembangunan yang lain bagi mendapatkan input pembekalan untuk diberikan kepada bakal pengusaha tempatan yang memerlukannya.

3. Penglibatan masyarakat di Bachok, kelantan dalam program dan aktiviti yang dilaksanakan oleh KEMAS.

Perbincangan penglibatan masyarakat dalam aktiviti KEMAS meliputi aspek;

- i. Kesedaran Tentang Program KEMAS

Jadual 3: Kesedaran tentang program KEMAS

Kesedaran	Peserta		Bukan Peserta		Keseluruhan	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Ya	172	97.2	6	3.4	178	50.0
Tidak	5	2.8	173	96.6	178	50.0
Jumlah	177	2.8	179	100.0	356	100.0

Tahap kesedaran tentang KEMAS dalam kalangan 356 responden hanyalah terhad kepada kelas-kelas kegiatan berkumpulan seperti kelas jahitan, gubahan dan masakan. Kebanyakan daripada mereka berpendapat bahawa kelas TBK adalah aktiviti KEMAS yang lebih menonjol kerana kelas ini kekal sejak penubuhannya dan mendapat sambutan ramai ibu bapa untuk menghantar anak-anak pra sekolah. Fenomena ini wujud kerana strategi pihak KEMAS yang mendahulukan pelancaran kelas TBK sebagai salah satu komponen program perkhidmatan masyarakat dan kemudiannya diikuti oleh kelas PKK atau PK sebagai komponen program pendidikan masyarakat di kampung berkenaan. Program KEMAS yang lain seperti kegiatan gotong-royong dan kegiatan pertanian atau ternakan kurang diketahui oleh respoden. Ramai responden menyatakan bahawa kegiatan sosial seperti ini adalah direalisasi oleh agensi-agensi lain dan beranggapan bahawa pihak KEMAS hanya sebagai agensi sampingan dan PM GDW sebagai wakil bagi setiap kegiatan tersebut.

- ii. Jenis-jenis kegiatan yang disertai
Sila rujuk Jadual 4 di sebelah:

Penyertaan	AKTIVITI							
	Kelas Menjahit		Kelas Memasak		TADIKA		LAIN-LAIN	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil	%
Tempoh menyertai								
Kurang 1 Bulan	1	0.3	0	0	2	0.6	3	0.8
2-3 Bulan	6	1.7	7	2.0	4	1.1	5	1.4
4-6 Bulan	13	3.7	8	2.2	5	1.4	12	3.4
Lebih 6 Bulan	33	9.3	23	6.5	29	11.2	23	6.5
Tidak terlibat	306	85.1	318	89.3	316	88.8	313	87.9
Jumlah	356	100.0	356	100.0	356	100.0	356	100.0
Kekerapan menyertai								
Tidak terlibat	311	87.4	314	88.2	319	89.6	319	88.2
1 kali	0	0.0	3	0.8	3	0.8	3	0.8
2-3 kali	6	1.7	7	2.0	2	0.6	8	2.2
4-5 kali	16	4.5	15	4.2	9	2.5	20	5.6
Lebih 6 kali	23	6.5	17	4.8	23	6.5	11	3.1
Jumlah	356	100.0	356	100.0	356	100.0	356	100.0

Berdasarkan jadual, kecenderungan penyertaan terhadap kelas menjahit dan kelas memasak terutamanya dalam kalangan kaum wanita terutamanya pada peringkat umur lewat 30an. Hal ini disebabkan wanita-wanita yang sudah berumah tangga mempunyai ruang masa yang cukup panjang dan menghilangkan rasa kepuasan berada di rumah tanpa menjalankan aktiviti tertentu. Selain dari itu, mengikut kaum ibu aspek yang mendorong mereka mengikuti kelas-kelas ini adalah untuk menjimatkan perbelanjaan terutamanya dalam aspek jahitan yang mana mereka menyatakan bahawa selain memperolehi upahan daripada masyarakat sekitar, mereka juga dapat menjahit pakaian anak-anak. Tindakan sebegini dapat mengurangkan perbelanjaan antara RM20 hingga RM30

sepasang baju kurung jika dibandingkan dengan menempah pakaian yang sama di premis jahitan di pekan-pekan yang berkaitan. Menurut para ibu lagi, biarpun PM jahitan tidak dapat menterjemahkan pelbagai fesyen jahitan moden dan kontemporari tetapi memadai dengan fesyen baju kurung Malaysia, kebaya labuh dan baju melayu yang sesuai di pakai di majlis keramaian seperti perkahwinan dan majlis kenduri-kendara. Berbeza pula pandangan gadis-gadis yang baru tamat dari alam persekolahan, penyertaan mereka di dalam kelas ini adalah untuk memenuhi masa lapang dan mengikut jejak keluarga yang terlibat dengan kegiatan KEMAS.

Sebahagian besar para ibu yang ditemubual memperlihatkan kepuasan terhadap kelas-kelas yang mereka duduki. Sehingga memukinkan mereka kekal lama mengikuti kelas tersebut. Para ibu terasa amat bangga apabila dapat menyudahkan tugas dan membawa kepada kelas pada minggu berikutnya untuk ditayangkan kepada rakan-rakan. Dengan kata lain, penyertaan di dalam kelas kegiatan ini melahirkan perasaan kepuasan dan semangat berlumba-lumba sesama peserta sehingga tercapainya ‘dorongan sebelum’ menceburi kelas iaitu bagi menjimatkan perbelanjaan dan menambahkan pendapatan sampingan hasil jualan kerja tangan tadi.

Ketidaktentuan harga kelapa di pasaran dan kemudahan pengairan iaitu Projek Kemasin-Semerak telah mendorong 21 peserta menceburi dalam bidang pertanian seperti penanaman tembikai, jagung, ubi keledek dan penternakan ayam itik. Walaupun GDW lebih popular dalam kalangan lelaki tetapi aktiviti ini tidak menghalang kalangan wanita untuk menceburinya. Jumlah penyertaan dalam pelbagai gabungan empat kegiatan seperti yang ditunjukkan adalah berbeza-beza, hal ini bukan sahaja menunjukkan para peserta menyambut baik pelbagai kelas yang diadakan tetapi juga mereka lebih suka kepada jahitan, mereka berpendapat bahawa selain melatih dan menambah kemahiran tangan, pihak KEMAS tidak mengenakan sebarang bayaran berbanding dengan kelas-kelas jahitan yang terdapat di pekan-pekan yang mengenakan yuran bulanan yang tinggi.

Jadual juga menunjukkan ramai ibu bapa atau penjaga yang telah menghantar anak mereka ke TBK. Ada peserta yang ditemubual menghantar anak yang pertama, ada juga peserta yang dapat menghantar anak yang kedua ataupun yang keempat. Biasanya peserta yang dapat menghantar anak pertama ke TBK adalah mereka yang baru berkahwin antara 5 dan 6 tahun yang lalu, sedangkan keluarga-keluarga yang menyekolahkan anak keempat dan kelima ke atas adalah terdiri daripada mereka yang telah lama mendirikan rumah tangga. Anak pertama mereka sebelum ini tidak dapat di sekolahkan di TBK kerana telah diterima masuk ke kelas Pra sekolah di sekolah kebangsaan yang berdekatan.

Kesimpulannya, penyertaan dalam aktiviti KEMAS sebahagian besarnya dikuasai oleh wanita yang sudah berumah tangga berbanding dengan wanita yang belum berkahwin dan kaum lelaki, dengan penyertaan mengikut gabungan pelbagai aktiviti dari kelas PKK dan PK.

- iii. Motivasi dan Penyertaan

Jadual 5: Motivasi penyertaan peserta KEMAS

PENGALAK	Bilangan	Peratus
Keluarga terdekat	23	13.3
Pemimpin tempatan	27	15.6
Diri Sendiri	45	26.0
Guru	12	6.9
Rakan sebaya	51	29.5
Media massa/ Media cetak	15	8.7
Tidak jawab	4	2.3
Jumlah	177	100.0

Jadual menunjukkan peserta berkeinginan menggalakkan keluarga dan jiran-jiran menyertai kegiatan KEMAS kerana aktiviti nya memberi pengalaman dan menambah pengetahuan dengan hasrat ingin melihat kemajuan dan kejayaan anggota keluarga dan masyarakat. Berbeza pula dengan pendirian responden bukan peserta yang tidak ingin menggalakkan anggota keluarga dan masyarakat terlibat dengan kegiatan KEMAS, mereka beralasan bahawa setiap aktiviti KEMAS telah lama dimaklumkan oleh pihak kerajaan tidak perlu diulangi lagi. Selain itu, responden beranggapan bahawa KEMAS adalah sebuah institusi birokrasi yang melihat penyokong kerajaan diberi perhatian berbanding dengan bukan penyokong kerajaan. Ramai juga responden tidak pasti dan tanpa memberi apa-apa alasan, ini bermakna mereka tidak mengetahui langsung tentang aktiviti KEMAS disebabkan kesibukan masa dalam menjalani kehidupan seharian.

Justeru, telah wujud kesedaran dan motivasi dalam kalangan responden ke arah mencapai kemajuan. Responden yang diklasifikasikan sebagai bukan peserta dan peserta miskin telah menggambarkan bahawa wujudnya dorongan dalaman dan keinginan untuk melihat masyarakat terus berjaya. Walau bagaimanapun, untuk mengadaptasikan penyertaan yang aktif dan menyeluruh, dorongan dan galakkan daripada pelbagai pihak khususnya daripada pihak KEMAS perlu dipertingkatkan. Dengan pertimbangan ini, bukan hanya dapat meningkatkan bilangan peserta di dalam program pembangunan bahkan ianya dapat meyakinkan peserta yang sedia ada untuk terus menumpukan minat dan usaha sendiri demi matlamat pembangunan tercapai. Sebilangan besar responden sama ada peserta KEMAS atau bukan peserta yang ditemui menyatakan keinginan untuk memberi dorongan dan menggalakkan anggota keluarga dan jiran-jiran mereka menyertai kegiatan KEMAS. Sebagai program yang bersifat ‘responsive oriented’ unsur-unsur modenisasi dan pembangunan yang diperkenalkan oleh KEMAS melalui aktiviti hariannya telah menjelma kesan mendalam kepada masyarakat luar bandar di Bachok terutamanya dalam kesedaran menilai kepentingan pendidikan dan ilmu pengetahuan. Ini dapat dibuktikan oleh bilangan responden yang telah ditemubual yang menyatakan bahawa perlu ada syarat-syarat tertentu bagi menyertai program yang dilaksanakan oleh KEMAS.

iv. Sebab-sebab KEMAS Tidak Mendapat Sambutan

Jadual 6: Sebab tidak menyertai KEMAS.

Sebab tidak menyertai KEMAS	Bilangan	Peratus
Tidak tahu adanya organisasi KEMAS dan programnya.	10	5.6
Kurang memahami objektif dan matlamat KEMAS	48	27.1
Penglibatan di dalam KEMAS tidak membawa faedah	5	2.8
Wujudnya sikap pilih kasih dalam KEMAS	12	6.8
Tiada masa mengikuti kelas KEMAS	8	4.5
Kurang berminat untuk mengikuti kelas KEMAS	7	4.0
Tiada orang untuk membantu menjaga anak semasa mengikuti kelas kegiatan KEMAS	45	25.4
Tiada kawan bersama untuk ke kelas KEMAS	42	23.7
Jumlah	177	100.0

Berdasarkan Jadual 6, memperlihatkan bahawa golongan wanita sebahagian besar tidak memahami dan menyedari tentang peranan dan tugas KEMAS sebagai sebuah institusi yang membawa pembangunan. Terdapat antara mereka (6.8%) yang mengatakan bahawa penyertaan di dalam KEMAS tidak berfaedah kerana bagi mereka cara pendidikan terhadap setiap program tidak sempurna khususnya terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran, sehingga objektif penubuhan KEMAS samar-samar sahaja. Kata-kata negatif seperti ‘tiada masa’ atau ‘kurang berminat’ merupakan alasan utama bagi mereka yang tidak berminat menyertai program pembangunan. Seramai 48 orang responden yang ditemui menyatakan mereka kurang memahami objektif dan matlamat KEMAS telah menyebabkan mereka tidak menyertai kelas KEMAS. Manakala 45 orang responden terutamanya kaum wanita memberi alasan bahawa tiada orang yang akan membantu menjaga anak mereka sekiranya mereka mengikuti kelas KEMAS. Sementara itu, 42 responden juga dalam kalangan wanita memberi alasan bahawa mereka tiada kawan. Alasan-alasan ‘tiada masa’, ‘kurang minat’ dan ‘tiada kawan’ adalah merupakan stereotype ascapism statement bagi individu yang rendah motivasi, perkara ini terjadi akibat kurangnya sifat kesedaran dan dorongan keinginan untuk mencapai kemajuan lantas mematikan minat dan kemahuan untuk menggapai peluang-peluang pembangunan dan kemajuan sehingga akhirnya menggunakan alasan ‘tiada masa’ dan ‘kurang minat’ sebagai alasan mutlak mereka. Ketiadaan orang untuk membantu menjaga anak semasa mengikuti program KEMAS seperti yang dinyatakan oleh 42 orang wanita boleh diterima kerana mereka masih mempunyai anak-anak kecil manakala suami bekerja sehingga lewat petang untuk menambah pendapatan.

v. Masalah dalam Penyertaan

Jadual 7: Masalah dalam penyertaan

Masalah	Peserta (177)			Bukan Peserta (179)			Keseluruhan (356)		
	Setuju	Kurang Setuju	Tidak setuju	Setuju	Kurang Setuju	Tidak setuju	Setuju	Kurang Setuju	Tidak setuju
Kekurangan modal	26 (14.7)	3 (1.7)	148 (83.6)	8 (4.5)	2 (1.1)	169 (94.4)	34 (9.6)	5 (1.4)	317 (89.0)
Kekurangan sokongan daripada peserta dan orang kampung	18 (10.2)	2 (1.1)	157 (88.7)	13 (7.3)	3 (1.7)	163 (91.9)	31 (8.7)	5 (1.4)	320 (89.9)
Masa program kurang sesuai	11 (6.2)	2 (1.1)	164 (92.7)	7 (3.9)	10 (5.6)	162 (90.5)	18 (5.1)	12 (3.4)	326 (91.6)
Pasaran kurang terjamin	13 (7.3)	4 (2.3)	160 (90.4)	12 (6.7)	15 (8.4)	152 (84.9)	25 (7.0)	19 (5.3)	312 (87.6)
Bantuan peralatan tidak diperolehi	8 (4.5)	16 (9.0)	153 (86.4)	24 (13.4)	16 (8.9)	139 (77.7)	32 (9.0)	32 (9.0)	292 (82.0)
Pemimpin kurang cekap	5 (2.8)	1 (0.6)	171 (96.6)	26 (14.5)	1 (0.6)	152 (84.9)	31 (8.7)	2 (0.6)	323 (90.7)
Pengurusan dan pelaksanaan kurang memuaskan	7 (4.0)	-	170 (96.0)	12 (6.7)	4 (2.2)	163 (91.1)	19 (5.3)	4 (1.1)	333 (93.5)
Kegiatan yang bertindih	15 (8.5)	-	162 (91.5)	2 (1.1)	5 (2.8)	172 (96.1)	17 (4.8)	5 (1.4)	334 (93.8)
Sukar mendapatkan input	4 (2.3)	2 (1.1)	171 (96.6)	14 (7.8)	2 (1.1)	163 (91.1)	18 (5.1)	4 (1.1)	334 (93.8)

Berasaskan kepada pecahan responden dalam kalangan peserta dan bukan peserta didapati kedudukan keutamaan permasalahan bagi kedua-duanya adalah berubah. Keadaan ini adalah disebabkan oleh faktor-faktor pengalaman penglibatan bagi kedua-dua kategori responden adalah berbeza. Umpamanya responden-responden dalam kalangan bukan peserta tidak dapat memberi penilaian tentang pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan oleh PM dalam kelas-kelas kegiatan berbanding dengan peserta-peserta itu sendiri. Justeru, menyebabkan tanggapan bagi kategori bukan peserta adalah rendah berbanding dengan kategori peserta. Walau bagaimanapun, keseluruhannya, penilaian yang ditetapkan oleh kedua-dua kategori ini tidak jauh bezanya dari segi kedudukan permasalahan yang dihadapi semasa atau untuk menyertai kegiata KEMAS.

Seperti yang dinyatakan, bahawa salah satu faktor yang menyebabkan peserta-peserta yang menyertai kegiatan KEMAS ialah untuk menambah sumber pendapatan keluarga atau suami dan juga untuk mencari perbelanjaan sendiri dengan menjual hasil kerja tangan. Namun begitu, keadaan pasaran yang kurang terjamin telah menjadi masalah utama kepada pengusaha-pengusaha tempatan. Pihak KEMAS tidak dapat memainkan peranan sebagai agen memasarkan barangan tersebut kecuali semasa pameran. Sepatutnya pihak KEMAS mengembelingkan setiap aktiviti tadi bagi dimanfaatkan oleh bahagian-bahagian yang lain dalam bahagian KEMAS. Misalnya peserta yang pandai menjahit boleh diambil bekerja sebagai tukang jahit untuk menjahit baju kanak-kanak TBK atau mereka yang pandai membuat barang-barang kraf tangan boleh menjadikan hasil tangan mereka sebagai bahan bantuan mengajar di TBK. Dengan kata lain, pendekatan bersepadu yang cuba dianjurkan oleh KEMAS dalam merencanakan programnya kurang berkesan memandangkan setiap bahagian dalam program tersebut adalah terasing antara satu dengan yang lain. Keadaan ini juga telah menimbulkan permasalahan yang mana boleh mematikan minat dalam kalangan bukan peserta untuk menyertai kegiatan ini. Mereka menyatakan bahawa kedudukan golongan peserta adalah sama sahaja dengan mereka yang tidak menyertai KEMAS.

vi. Faedah Penyertaan Dalam KEMAS

Faedah	Peserta (177)			Bukan Peserta (179)			Keseluruhan (356)		
	Setuju	Kurang Setuju	Tidak setuju	Setuju	Kurang Setuju	Tidak setuju	Setuju	Kurang Setuju	Tidak setuju
Mengisi masa lapang dengan sempurna	11 (6.2)	0	166 (93.8)	0	2 (1.1)	177 (98.9)	11 (3.1)	2 (0.6)	343 (96.3)
Menjalin hubungan yang baik antara rakan-rakan setempat	21 (11.9)	0	156 (88.1)	0	5 (2.8)	174 (97.2)	21 (5.9)	5 (1.4)	330 (92.7)
Dapat menambah pengetahuan dan pengalaman	40 (22.6)	0	137 (77.4)	0	6 (3.4)	173 (96.6)	40 (11.2)	6 (1.7)	310 (87.1)
Mendedahkan mayarakat kampung terutamanya wanita dalam program pembangunan modenisasi	5 (2.8)	2 (1.1)	170 (96.0)	1 (0.6)	5 (2.8)	173 (96.6)	6 (1.7)	7 (2.0)	343 (96.3)
Memberi kesedaran kepada masyarakat kampung kearah pembangunan dan modenisasi politik	20 (11.3)	0	157 (88.7)	0	4 (2.2)	175 (97.8)	20 (5.6)	4 (1.1)	332 (93.3)
Mengikis perasaan takut dan malu	2 (1.1)	1 (0.6)	174 (98.3)	0	4 (2.2)	175 (97.8)	2 (0.6)	5 (1.4)	349 (98.0)
Pulangan yang menguntungkan	17 (9.6)	0	160 (90.4)	1 (0.6)	6 (3.4)	172 (96.1)	18 (5.1)	6 (1.7)	332 (93.3)
Terbukti menambah pendapatan	2 (1.1)	0	175 (98.9)	0	4 (2.2)	175 (97.8)	2 (0.6)	4 (1.1)	350 (98.3)
Membaiki mutu kesihatan orang kampong	26 (14.7)	0	151 (88.3)	1 (0.6)	6 (3.4)	172 (96.1)	27 (7.6)	6 (1.7)	323 (90.7)
Tanah terbiar diusahakan	14 (7.9)	0	163 (92.1)	0	9 (5.0)	170 (95.0)	14 (3.9)	9 (2.5)	333 (93.5)
Menambah pengetahuan ugama	6 (3.4)	0	171 (96.1)	1 (0.6)	5 (2.8)	173 (96.6)	7 (2.0)	5 (1.4)	344 (96.6)

Secara keseluruhannya Jadual 8 menunjukkan bahawa kedua-dua kategori, peserta dan bukan peserta, telah memberikan penilaian yang hampir sama dalam susunan faedah-faedah yang diperolehi setelah pihak KEMAS melancarkan program-program pembangunan di kampung mereka. Ini dibuktikan oleh pernyataan pertama hingga keempat, pernyataan keenam dan ketujuh, seterusnya pernyataan faedah kesembilan hingga ke sebelas, walaupun jumlah nilai purata adalah tinggi bagi kategori peserta berbanding dengan bukan peserta.Dari Jadual 4.23 didapati bahawa, kegiatan-kegiatan yang dianjurkan oleh KEMAS telah mengisi masa lapang orang kampung terutamanya pada waktu petang di samping menjalinkan hubungan yang baik antara rakan-rakan (peserta) setempat. Dengan cara ini masyarakat kampung dapat menjalinkan semangat kejiranan dan mengukuhkan lagi semangat perpaduan di peringkat tempatan. Selain dapat menambah pengetahuan dan pengalaman khusus, sebagai faedah ketiga mengikut susunannya, peserta-peserta dapat meluaskan pengetahuan tentang hal atau isu semasa dalam perbualan sesama mereka (peserta) dan juga yang dimaklumkan oleh PM masing-masing.

RUMUSAN HASIL

KEMAS telah membantu meningkatkan taraf hidup dan status sosioekonomi dalam bidang sosial, ekonomi dan politik masyarakat luar bandar. Walau bagaimanapun, bentuk perubahan tersebut adalah berbeza-beza di antara ahli masyarakat luar bandar. Penemuan kajian juga menunjukkan masyarakat luar bandar telah turut serta secara aktif dalam aktiviti yang dilaksanakan KEMAS.

Penemuan kajian menunjukkan sebilangan besar (97.2%) peserta KEMAS mengetahui peranan yang dimainkan oleh KEMAS. Sebaliknya sebilangan besar bukan peserta (96.6%) tidak mengetahui tentang peranan KEMAS. Peserta

KEMAS telah terlibat dalam pelbagai aktiviti yang dilaksanakan oleh KEMAS seperti kelas jahitan, kelas memasak dan menghantar anak ke TABIKA KEMAS. Rakan sebaya dan diri sendiri merupakan faktor yang mendorong peserta KEMAS terlibat dalam aktiviti KEMAS yang dilaksanakan di tempat mereka. Walau bagaimanapun terdapat juga faktor-faktor yang menghalang peserta KEMAS daripada terlibat dalam aktiviti yang dilaksanakan oleh KEMAS. Antaranya ialah seperti ketidakfahaman tentang objektif dan matlamat KEMAS, kekurangan minat untuk mengikuti aktiviti KEMAS dan ketiadaan sokongan daripada keluarga seperti membantu menjaga anak-anak kecil semasa mereka mengikuti aktiviti anjuran KEMAS. Kesemua ini boleh menghalang peserta-peserta KEMAS untuk bergiat aktif dalam aktiviti anjuran KEMAS di tempat mereka.

KESIMPULAN

KEMAS telah memainkan peranan yang penting dalam usaha pembangunan masyarakat di kawasan luar bandar terutamanya dalam aspek pendidikan tidak formal. Namun kefungsian KEMAS dalam usaha-usaha tersebut kelihatan masih perlu dijelaskan. Oleh itu, usaha penjajaran semula aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh KEMAS di kawasan luar bandar perlu dilakukan. Usaha penjajaran semua ini perlu berasaskan kepada idea pelaksanaan pembangunan komuniti yang berlandaskan kepada pendekatan bawah-atas (bottom-up approach). Pendekatan ini mementingkan penglibatan masyarakat dalam aktiviti membuat keputusan, pelaksanaan, berkongsi manfaat dan penilaian aktiviti KEMAS.

RUJUKAN

Asranulkhadi (1988), KEMAS, Pembangunan komuniti dan kemiskinan: Satu kajian kes di Daerah Jasin, Melaka. Tesis M.A. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

_____(2004) Peranan kerajaan dalam membangunkan golongan berpendapatan rendah. Dalam Mohd Amim Othman & Norizan Yahya (eds.), Golongan berpendapatan rendah: Realiti dan cabaran. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Anker, D. L. W. (1973). Rural development: Problem and strategies. International Labour Review, 108(6), 461-484

Beal (1981) Beal, G. M., Blount, R. C., Powers, R. C. & Johnson, W. J. (1966). Social action and interaction in program planning. AMEA Iowa: Iowa State University Press.

kertas kabinet Bil.385/25/60

<http://www.ptjb.kelantan.gov.my/>

Ibrahim Narek (1982). RDU: Satu pendekatan ke arah pembangunan sosio-ekonomi. Kertas Projek Diploma Pentadbiran Awam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur

Kamaruddin Mat Tanda (1982). Peranan KEMAS Dalam Pembangunan Desa - Objektif dan Strategi. Kertas Projek Diploma Pentadbiran Awam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur

Purvis , B. M. (1974). Development of extension programmes for rural women in South East Asia. Tesis Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur

Rancangan Malaysia Kelapan. (2001) dan Rancangan Malaysia Kesembilan (2006) Kuala Lumpur: Percetakan Negara Malaysia Berhad.

Rahimah Abd. Aziz & Mohamed Yusuf Ismail. (2002). Masyarakat, budaya dan perubahan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia

Rogers, E. M., & Burdge, R. J. (1972). Social change in rural society. New Jersey: Prentice Hall

Wiersma, W. (2000). Research methods in education: An introduction (7nd ed.). Boston: Allyn and Bacon